

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 3 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

MENGANGKAT SUMPAAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L14739
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peratusan kemajuan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Fasa 2 di Sarawak, serta langkah-langkah bagi memastikan tiada kelewatan akibat isu kontraktor dan juga peruntukan tambahan.

2. PN-1543-L14706
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah Kementerian menjalankan penilaian impak ekonomi dan sosial sebelum meluluskan kemasukan francais asing baharu, terutama dalam kategori makanan snek dan makanan segera yang mempunyai banyak alternatif tempatan.

3. PN-1543-L15320
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-
 - (a) jumlah peruntukan kecemasan hakisan pantai yang telah disalurkan oleh Kerajaan kepada seluruh negara dalam tempoh lima tahun terakhir; dan

 - (b) usaha Kerajaan untuk menubuhkan dana kontingensi bagi menangani hakisan pantai yang teruk.

4. PN-1543-L15171

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan dasar memperluas tenaga boleh baharu seperti solar dan hidro mini di Sarawak untuk manfaat penduduk pedalaman yang jauh dari capaian grid elektrik atau *Electric Power Grid*.

5. PN-1543-L15220

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) bilangan kes kemalangan atau kecederaan yang dilaporkan melibatkan serangan anjing liar di seluruh negara dalam tempoh lima tahun terakhir; dan
- (b) tindakan tegas yang diambil khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam membanteras lambakan anjing liar terutamanya di kawasan penempatan majoriti penduduk Melayu-Islam.

6. PN-1543-L15245

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) mengapakah Malaysia masih mengimport 90 peratus biji kopi walaupun pasaran kopi domestik bernilai lebih USD 1 bilion; dan
- (b) apakah usaha konkrit yang dilakukan Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran tempatan serta menyokong pekebun kecil menghadapi kos yang tinggi dan produktiviti yang rendah.

7. PN-1543-L15093

Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bersedia menyalurkan peruntukan yang mencukupi serta memastikan kerja-kerja pembaikan infrastruktur dilaksanakan dengan segera, di samping menjamin kelancaran operasi tanpa sebarang gangguan, termasuk yang melibatkan aspek infrastruktur.

8. PN-1543-L14823

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

(a) apakah bentuk bantuan khusus bagi industri tempatan untuk menghadapi pengenalan cukai karbon sama ada pembiayaan atau diskaun bagi pemilikan teknologi rendah karbon mahupun pulangan kredit serta apakah sektor-sektor yang disasarkan menerima bantuan; dan

(b) jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan pelaburan hijau.

9. PN-1543-L14749

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dengan kerjasama Kementerian yang lain bagi menggalakkan kegiatan memancing sebagai rekreasi (*sport fishing*) di sungai, tasik dan laut di Malaysia sebagai salah satu usaha dalam menggalakkan kegiatan pelancongan.

10. PN-1543-L15502

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian skop pelaksanaan inisiatif Rakan KKM termasuklah senarai hospital terlibat, tarikh mula setiap hospital, anggaran hasil tahunan, peratusan hasil yang diwajibkan disalurkan semula ke fasiliti awam dan mekanisme audit penggunaan dana.

11. PN-1543-L15362

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha Kerajaan bersama Kerajaan Negeri dalam memajukan ekopelancongan di Negeri Sembilan termasuk pembangunan kawasan Gunung Datuk, Jeram Toi dan Hutan Simpan Kenaboi.

12. PN-1543-L15023

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sasaran spesifik untuk meningkatkan pengeluaran padi negara yang sekian lama hanya sekitar 3 hingga 4 tan metrik sehektar berbanding dengan negara jiran sedangkan subsidi pesawah mencecah RM2.62 bilion.

13. PN-1543-L15411

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk melaksanakan pembaharuan dan pembangunan semula tanah perindustrian terbiar, khususnya di zon perindustrian yang telah matang.

14. PN-1543-L15297

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang diambil untuk menggerakkan korporat dan institusi lain dalam sektor swasta bagi memastikan kegiatan bahasa, sastera, dan seni budaya dijalankan sebagai sebahagian tanggungjawab sosial sektor swasta, dan bukan semata-mata menjadi tanggungjawab agensi-agensi Kerajaan.

15. PN-1543-L15104

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan faktor yang mendorong kakitangan kesihatan untuk bekerja di luar negara, dan apakah inisiatif terbaharu Kementerian bagi mengekalkan kakitangan kesihatan seperti doktor pakar dan jururawat untuk berkhidmat di negara ini.

16. PN-1543-L14722

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Projek Bekalan Air Luar Bandar di Kawasan Ulu Roban Saratok yang memberi manfaat kepada 147 buah rumah dijangka siap sepenuhnya.

17. PN-1543-L15388

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana pelaksanaan sistem PADU sebagai tulang belakang data nasional untuk subsidi bersasar dapat diukur keberkesannya, terutama dalam konteks data yang menunjukkan ketirisan masih wujud dan rakyat belum nampak manfaat langsung.

18. PN-1543-L14951

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini cadangan KKM berhubung pertimbangan untuk mengharamkan sepenuhnya penjualan dan penggunaan produk rokok elektronik di negara ini serta apakah hasil dapatan kajian saintifik dan libat urus terkini yang telah dilaksanakan dan bilakah akan dimuktamadkan.

19. PN-1543-L15474

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pelan Kementerian untuk menghubungkan peserta IPR secara langsung ke dalam ekosistem ekonomi digital misalnya melalui platform e-dagang, latihan pemasaran digital, atau penggunaan data pelanggan agar produk mereka tidak terhad kepada pasaran kecil tempatan tetapi boleh bersaing di peringkat nasional dan serantau.

20. PN-1543-L15259

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jumlah kawasan di Sabah, terutamanya di Ranau dan Beluran yang masih belum mempunyai sambungan tiang elektrik, khususnya di kawasan yang berdekatan dengan tanah persendirian.

21. PN-1543-L15277

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah dan inisiatif Kerajaan dalam menstabilkan serta menurunkan harga rumah agar golongan B40 dan M40 berpeluang dan mampu memiliki kediaman sendiri.

22. PN-1543-L15454

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pencapaian dan keberkesanan program yang dianjurkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian khususnya HRDF, TalentCorp, Program Job Coach dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam membantu golongan OKU mendapat peluang pekerjaan dan latihan kemahiran serta berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan bagi program-program tersebut sepanjang tempoh 2024 hingga 2025.

23. PN-1543-L15244

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk menaik taraf Hospital Kuala Kubu Bharu kepada Hospital Pakar Serantau Hulu Selangor, memandangkan hospital sedia ada kekurangan fasiliti dan pakar, dan banyak kes terpaksa dirujuk ke Hospital Selayang, Sungai Buloh mahupun Slim River.

24. PN-1543-L14971

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan terkini berkaitan prestasi Johor-Singapore Special Economic Zone, serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani cabaran dan kekangan yang wujud.

25. PN-1543-L15069
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kemajuan pelaksanaan Dasar Gaji Progresif serta keberkesanan program latihan semula *reskilling* dan *upskilling* di bawah HRD Corp dalam menyediakan tenaga kerja berkemahiran untuk automasi dan kecerdasan buatan.
26. PN-1543-L15182
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah perbelanjaan kemudahan perubatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21/2009 masing-masing untuk warga Kementerian Kesihatan Malaysia dan ahli keluarga mereka bagi 5 tahun kebelakangan ini.
27. PN-1543-L14990
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah konkrit Kerajaan bagi menyeragamkan kadar tarif elektrik antara Sabah dan Semenanjung menjelang 2027, serta meningkatkan kebolehpercayaan grid Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) yang mencatat kadar gangguan purata 276 minit setahun, tertinggi di Malaysia termasuk kemajuan Pelan Penambahbaikan Grid Sabah 2023 - 2030.
28. PN-1543-L15521
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah penyertaan Orang Asli dalam program pembangunan berimpak tinggi seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) serta keberkesanannya.
29. PN-1543-L14787
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal populasi buaya yang semakin meningkat di Sarawak, terutamanya di kawasan sungai dan penempatan yang telah mengancam keselamatan nyawa penduduk?.
30. PN-1543-L14912
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan mengurangkan kos logistik di Pelabuhan Klang.

31. PN-1543-L15418

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan keberkesanan langkah sedia ada dalam membantu perniagaan beralih kepada operasi rendah karbon, khususnya PKS, serta keberkesanan insentif kewangan dan/atau cukai bagi menyokong pematuhan kepada standard ESG.

32. PN-1543-L15526

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif Kerajaan bagi mengawal tambang penerbangan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak semasa musim perayaan yang akan menjelang tiba.

33. PN-1543-L15131

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah yang diambil bagi memastikan pembangunan negeri Perlis selaras dengan agenda Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan tidak ketinggalan berbanding negeri-negeri jiran.

34. PN-1543-L15505

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah projek bekalan air bersih dan elektrik dilaksanakan di kampung Orang Asli dan apakah perancangan pada tahun hadapan.

35. PN-1543-L15187

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status penerimaan sebanyak 91 unit ambulans jenis B yang telah memperoleh kelulusan khas untuk perolehan secara luar kontrak. Apakah status terkini untuk proses perolehan ambulans baharu yang telah dimulakan pada 31 Julai 2025, dan bilakah tarikh jangkaan terima untuk ambulans tersebut.

36. PN-1543-L15123

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memperluas penggunaan teknologi pintar dalam sektor penanaman padi di negeri Perlis bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja muda yang semakin kurang terlibat dalam industri padi.

37. PN-1543-L15401

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memberikan keutamaan terhadap peruntukan kos pembinaan Rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin dalam Belanjawan 2026 khusus untuk masyarakat Orang Asli, memandangkan isu penyediaan kediaman kekal merupakan keperluan utama di banyak perkampungan mereka.

38. PN-1543-L14973

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf kemudahan parkir di Hospital Sultan Ismail yang kini semakin terhad, kurang di selenggara, dan tidak mesra pengguna.

39. PN-1543-L15092

Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 10, dari Temerloh ke Kemayan, kepada jalan empat lorong.

40. PN-1543-L15209

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilangan terkini nelayan yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di seluruh negara serta faktor-faktor utama yang mendorong mereka tidak berdaftar dalam persatuan berkenaan.

41. PN-1543-L15318

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan perancangan Kerajaan untuk membina hab industri pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) terutama di Kerteh, Terengganu memandangkan inisiatif tersebut tidak dinyatakan secara spesifik dalam Belanjawan 2026.

42. PN-1543-L14775

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan strategi Kementerian untuk memastikan jalan raya Persekutuan dan infrastruktur berkaitan berada dalam keadaan selamat dan memuaskan bagi pengguna, terutama menjelang musim hujan atau monsun.

43. PN-1543-L15224
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil pemantauan terhadap dua aplikasi e-hailing iaitu InDrive dan Maxim yang telah dipantau selama tiga bulan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) berikutan tidak mematuhi peraturan di bawah akta sedia ada.
44. PN-1543-L14751
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kesesakan lalu lintas teruk yang sering berlaku di Lebuhraya Karak, terutamanya pada cuti hujung minggu dan pada cuti musim perayaan dapat diatasi.
45. PN-1543-L15027
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah insentif ketara dalam pakej RM2.62 billion untuk pesawah yang telah direka khusus bagi menarik dan rakyat Malaysia yang muda dan celik teknologi untuk menjadikan petani sebagai pilihan kerjaya yang meraih keuntungan dan bermaruah.
46. PN-1543-L15111
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membina jalan raya baharu yang menghubungkan Belaga ke Nanga Merip dan seterusnya ke Kapit, memandangkan laluan sedia ada dari Belaga ke Sungai Asap, Bintulu, Sibul dan Kapit adalah sangat jauh. Pembinaan jalan ini dijangka dapat memendekkan masa perjalanan antara Belaga dan Kapit serta meningkatkan kemudahan perhubungan penduduk di kawasan tersebut.
47. PN-1543-L14716
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kemajuan kewangan dan fizikal projek-projek di bawah KPKT di Sarawak khususnya lapan projek di bawah Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang sedang dilaksanakan setakat bulan November.
48. PN-1543-L14829
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pendekatan strategik Kerajaan dalam memastikan *growth with equity*, khususnya bagi memastikan kemakmuran ekonomi digital turut dinikmati oleh komuniti luar bandar dan pinggiran bandar.

49. PN-1543-L15192
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan rancangan memperkasa pelancongan komuniti di kawasan pedalaman Sarawak terutamanya menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).
50. PN-1543-L14981
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kemajuan terkini Projek Jambatan Labuan-Menumbok yang menjadi penghubung utama antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, termasuk status kajian kebolehlaksanaan serta jangkaan tarikh siap projek tersebut yang dilaporkan sekitar November 2026.
51. PN-1543-L14777
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jawatankuasa peringkat tinggi untuk mengurus dasar pembangunan luar bandar secara menyeluruh merentas Kementerian, serta hasil konkrit (contohnya projek atau program) yang telah atau akan dilaksanakan di bawah jawatankuasa ini.
52. PN-1543-L14871
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian dalam memperluas dan menaik taraf penggunaan teknologi moden bagi penanaman padi di negeri Kedah.
53. PN-1543-L15289
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status keberhasilan MyKiosk terutamanya di Sabah memandangkan banyak kiosk terbiar di kawasan tertentu serta langkah Kerajaan untuk mengelakkan penyalahgunaan oleh pihak yang tidak berkenaan.
54. PN-1543-L14728
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperluas program ekonomi desa di Sarawak bagi meningkatkan pendapatan usahawan luar bandar, serta memperkukuh jaringan pemasaran produk tempatan ke pasaran nasional dan serantau.

55. PN-1543-L15483

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci strategi Majlis Benih Negara (MBN) dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap benih import sebanyak 30 peratus menjelang 2040, termasuk langkah-langkah bagi memastikan kesinambungan pengeluaran benih tempatan berkualiti tinggi.

56. PN-1543-L15329

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan sistem penarafan tarikan pelancong yang seragam di seluruh negara, seumpama sistem 5A di China bagi menjamin pengalaman pelancong terbaik dan memperkukuh daya saing Malaysia; dan
- (b) apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

57. PN-1543-L14851

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah bilangan pekerjaan mengikut kluster ekonomi yang telah dicipta sejak tahun 2008 sehingga tahun 2025 dalam projek-projek dalam East Coast Economic Region (ECER) terutamanya di negeri Kelantan.

58. PN-1543-L15148

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pertimbangan Kerajaan melalui JAKOA untuk menambah baik skim penajaan dan elaun kebajikan bulanan secara tetap kepada pelajar Orang Asli yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTTS), memandangkan jumlah mereka semakin meningkat dan memerlukan sokongan kewangan yang munasabah.

59. PN-1543-L15389

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana dasar pengambilan tenaga kerja asing dan tempatan akan disemak supaya tidak hanya mengejar kos rendah tetapi memastikan produktiviti tinggi, kesejahteraan pekerja dan kestabilan industri, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

60. PN-1543-L15271
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan Kerajaan dalam menangani ancaman anjing liar dan monyet yang mengganggu keselamatan serta kesejahteraan penduduk di kawasan perumahan bandar dan luar bandar.
61. PN-1543-L14954
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan perubatan dari Universiti Awam Tempatan yang sedang berkhidmat sebagai pegawai perubatan siswazah, pegawai perubatan tetap, atau pakar di hospital Kerajaan sehingga tahun 2025, serta nyatakan skim insentif dan jaminan laluan kerjaya yang jelas bagi memastikan perkhidmatan awam kekal menarik dan berdaya saing.
62. PN-1543-L14708
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak, khususnya Daerah Saratok dan Kabong di bawah Kementerian pada tahun 2026.
63. PN-1543-L14876
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah terkini kemasukan pelancong asing ke Malaysia bagi tempoh 2023 hingga 2025 serta langkah Kerajaan memastikan kawalan imigresen dan keselamatan di pintu masuk negara berada pada tahap terbaik.
64. PN-1543-L15040
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan strategi Kerajaan dalam memperkukuh penyertaan wanita profesional berkemahiran tinggi dalam bidang keusahawanan, termasuk kemudahan akses pembiayaan, sokongan perundangan dan insentif fiskal bagi memudahkan mereka menubuhkan perniagaan sendiri seperti klinik, farmasi dan firma profesional, sejajar dengan hasrat meningkatkan peranan wanita dalam sektor ekonomi bernilai tinggi.
65. PN-1543-L15522
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah keberkesanan agihan peruntukan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dipantau bagi memastikan manfaatnya sampai terus kepada komuniti sasaran.

66. PN-1543-L14812

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan peserta wanita khususnya di kawasan pedalaman Sabah yang menerima bantuan keusahawanan mikro di bawah Belanjawan 2026.

67. PN-1543-L15212

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana keberkesanan inisiatif sedia ada dalam memperkasa penglibatan wanita dalam industri halal dan apakah langkah baharu yang akan diambil bagi memastikan wanita terus menjadi peneraju utama dalam sektor ini selaras dengan potensi besar ekonomi halal negara.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R.30/2025) | Rang Undang-undang Perbekalan 2026
– Menyambung semula Perbahasan atas masalah ‘Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang’.

[2 Disember 2025]

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R.38/2025) | Rang Undang-undang Kewangan 2025

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R.39/2025) | Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 4. | *(D.R.32/2025) | Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 5. | *(D.R.33/2025) | Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 6. | *(D.R.35/2025) | Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |

7. *(D.R.34/2025) Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
8. *(D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
9. *(D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Perpaduan Negara]**
10. *(D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Komunikasi]**
11. *(D.R.41/2025) Rang Undang-undang Antibuli 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
12. *(D.R.42/2025) Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Dalam Negeri]**

13. *(D.R.43/2025) Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Dalam Negeri]**
14. *(D.R.25/2025) Rang Undang-undang Pembaharuan Semula Bandar 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
15. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 119	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 124	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 125	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 126	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 135	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 136	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 151	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 153	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 154	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 156	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional (BSN) Bagi Tahun 2024	3 Disember 2025
ST. 157	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) Bagi Tahun 2024	3 Disember 2025
ST. 158	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPEPH) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 159	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 160	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 161	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia (UPM) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 162	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2025
ST. 163	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 164	AKTA RACUN 1952 Peraturan-Peraturan Racun (Pindaan) 2025 P.U.(A) 155/2025 diwartakan pada 15 Mei 2025	3 Disember 2025
ST. 166	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 167	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 168	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 169	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya (PPj) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 170	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kampong Bharu (PKB) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 171	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2025
ST. 172	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (MAVCOM) Bagi Tahun 2024	3 Disember 2025
ST. 214	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bagi Tahun 2024	3 Disember 2025